

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA,  
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KE-14**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN  
GHAZALI [ BAGAN SERAI ]**

**TARKH : 5 DISEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan dalam usaha untuk meningkatkan tarikan pelancong ke daerah Kerian khususnya Parlimen Bagan Serai, adakah Kementerian bersedia untuk mewujudkan '*river cruise*' di Sungai Kurau yang unik serta bersih dan mempelopori Galeri Banjar yang akan menarik minat pelancong menghayati sejarah, budaya serta makanan tradisional masyarakat Banjar di daerah ini.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa bekerjasama erat dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Perak dalam memberi perhatian kepada produk-produk pelancongan yang berpotensi untuk dibangun atau dinaiktarafkan. Sehubungan itu, Kementerian sangat mengalu-alukan cadangan daripada Ahli Yang Berhormat demi memajukan produk-produk pelancongan khususnya di daerah Kerian, Perak.

Bagi tujuan tersebut, Ahli Yang Berhormat disyor untuk mengemukakan cadangan '*river cruise*' di Sungai Kurau atau sebarang cadangan lain yang bersesuaian melalui UPEN Perak untuk diteliti berdasarkan keutamaan. Permohonan yang dikemukakan kepada UPEN Perak seterusnya akan diselaraskan oleh pihak Kementerian sebelum diperakukan untuk pertimbangan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, penubuhan Galeri Banjar adalah tidak tertakluk kepada Akta Arkib Negara Malaysia 2003 [Akta 629]. Walau bagaimanapun, Kementerian melalui agensinya seperti JWN, ANM dan JMM bersedia untuk memberikan khidmat nasihat serta berkongsi kepakaran mengenai penubuhan dan pengurusan sebuah galeri yang mampan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN ROBERT LAWSON SHUAT**  
**[ BETONG ]**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 18**

Minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk menangani kesan dari kejatuhan nilai ringgit Malaysia serta kenaikan harga barang keperluan rakyat yang menyebabkan masalah inflasi dan ekonomi yang melanda negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 7 November 2019, nilai ringgit telah mengukuh sebanyak 0.2% manakala pada 29 November 2019, nilai ringgit telah menyusut sebanyak 0.9%. Ini menunjukkan volatiliti perubahan nilai mata wang dalam keadaan pasaran global masa kini yang tidak menentu ekoran perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China. Prestasi ringgit adalah sejajar dengan pergerakan kebanyakan mata wang serantau lain yang telah berubah nilai dalam lingkungan -6.5% dan 6.5% berbanding dolar Amerika Syarikat (AS). Penyusutan nilai ringgit disebabkan oleh ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik, kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan unjuran pertumbuhan global.

Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjelaskan aktiviti ekonomi domestik. Namun begitu, volatiliti ringgit yang ketara boleh menjelaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Sehubungan itu, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah untuk memastikan kecairan mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran.

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah ini termasuk menetapkan syarat supaya sebahagian besar daripada hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada ringgit bagi meningkatkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah aktiviti spekulasi mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir. Pada masa sama, BNM telah memperkenalkan instrumen pelindung nilai (*hedging instruments*) dan menyediakan fleksibiliti agar peserta pasaran kewangan dan sektor perniagaan boleh melaksanakan pengurusan risiko pendedahan mata wang asing dengan lebih baik.

Berkenaan implikasi kejatuhan mata wang ringgit, pergerakan ringgit memberikan impak berbeza yang mana terdapat sektor dalam ekonomi yang akan mendapat manfaat dan mengalami kerugian. Penyusutan nilai ringgit akan memberi manfaat kepada eksport pembuatan Malaysia yang menyumbang sekitar 80% daripada jumlah eksport kasar kerana nilai eksport negara akan menjadi lebih murah berbanding negara asing. Penyusutan nilai ringgit juga turut memberi manfaat kepada industri pelancongan seterusnya memberi impak positif kepada akaun semasa dalam imbalan pembayaran negara.

Namun demikian, penyusutan nilai ringgit akan menyebabkan peningkatan kos pengeluaran berikutan harga bahan mentah yang diimport dari luar negara menjadi lebih mahal. Walau bagaimanapun, kesannya terhadap kadar inflasi adalah kecil. Dalam tempoh Januari hingga Oktober 2019, inflasi hanya mencatatkan peningkatan sebanyak 0.6 peratus berikutan harga minyak petrol dan diesel yang lebih rendah berbanding pada tahun 2018.

Meskipun keadaan persekitaran luar semakin mencabar, ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan dengan mencatat pertumbuhan 4.6 peratus dalam tempoh Januari hingga September 2019. Momentum pertumbuhan ekonomi negara dijangka terus kukuh dan berkembang 4.7 peratus pada 2019 disokong asas ekonomi yang kekal mampan termasuk kadar pengangguran dan inflasi yang rendah, rizab antarabangsa yang kekal tinggi dan sistem kewangan yang kukuh. Di samping itu, diversifikasi perdagangan yang luas dari segi destinasi dan produk turut membantu meningkatkan daya tahan ekonomi negara. Malaysia juga kekal sebagai destinasi pilihan utama bagi pelabur asing dan berjaya menarik pelaburan langsung asing berjumlah RM26.1 bilion dalam tempoh separuh pertama 2019 berbanding RM15.5 bilion dalam tempoh sama pada 2018. Dari aspek projek pelaburan asing yang diluluskan pula, sejumlah RM49.5 bilion nilai pelaburan telah diluluskan antara Januari hingga Jun 2019 iaitu peningkatan 97.2% berbanding RM25.1 bilion dalam tempoh sama pada 2018.

Dalam jangka masa panjang, nilai ringgit akan didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara. Oleh yang demikian, Kerajaan akan terus menumpukan usaha bagi meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber pertumbuhan, memperkuuh daya saing dan kedudukan fiskal negara.